

Kajian Rintis Hubungan Antara Penghayatan Agama dan Tahap Kesihatan Mental Mahasiswa Kor SUKSIS

A Preliminary Study on the Relationship Between Religious Adherence and Mental Health Levels Among SUKSIS Corps Students

NUR KHAIRIL IZZATI HAASYA BINTI MOHD NAZRI

*SITI AISHAH YAHYA & DEWI ANGGRAYNI

ABSTRAK

Kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) semakin menjadi isu kritikal, khususnya selepas pandemik COVID-19. Kajian lepas menunjukkan bahawa amalan dan penghayatan agama berpotensi menjadi faktor pelindung dalam menangani tekanan emosi seperti kemurungan, kebimbangan dan stres. Kajian ini bertujuan meninjau hubungan antara tahap penghayatan agama yang merangkumi dimensi akidah, ibadah dan akhlak—dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SUKSIS) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Reka bentuk kajian ini bersifat kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan, melibatkan 32 orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik penghayatan agama (Jurami & Fariza, 2013) dan Skala DASS-21 bagi menilai tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan korelasi Pearson melalui perisian SPSS versi 29.0. Dapatan menunjukkan wujud hubungan negatif yang signifikan antara ketiga-tiga dimensi penghayatan agama dan tahap gejala tekanan psikologi. Dimensi akhlak mencatatkan nilai korelasi tertinggi ($r=-0.199$), diikuti akidah ($r=-0.138$) dan ibadah ($r=-0.038$). Walaupun kekuatan hubungan adalah lemah, ia tetap signifikan dari sudut statistik dan memberikan indikasi awal bahawa penghayatan agama dapat membantu mengurangkan gejala tekanan mental. Implikasi kajian menunjukkan kepentingan memperkukuh pendidikan rohani dan pembangunan akhlak dalam program latihan dan bimbingan mahasiswa. Kajian lanjutan disarankan menggunakan pendekatan campuran dan saiz sampel yang lebih besar bagi meningkatkan kebolegunaan dapatan secara umum.

Kata kunci: Penghayatan agama, kesihatan mental, mahasiswa, Kor SUKSIS, psikospiritual Islam.

ABSTRACT

Mental health among university students has become an increasingly critical issue, particularly in the post-COVID-19 era. Previous studies have suggested that religious practice and spiritual commitment may function as protective factors in managing emotional distress such as depression, anxiety, and stress. This study aims to examine the relationship between the level of religious adherence—comprising the dimensions of creed (*akidah*), worship (*ibadah*), and ethics (*akhlak*)—and the level of mental health among members of the Student Civil Defence Corps (SUKSIS) at Universiti Kebangsaan Malaysia. Employing a quantitative survey design, the study involved 32 respondents selected through purposive sampling. The instruments used were a religious adherence questionnaire adapted from Jurami & Fariza (2013) and the Malay version of the DASS-21 scale to measure symptoms of depression, anxiety, and stress. Data were analysed using descriptive statistics and Pearson correlation via SPSS version 29.0. Findings revealed a significant negative correlation between all three dimensions of religious adherence and psychological distress symptoms. The ethics dimension recorded the highest correlation ($r = -0.199$), followed by creed ($r = -0.138$) and worship ($r = -0.038$). Although the strength of the correlations was weak, their statistical significance provides early indications that religious adherence may contribute to reducing mental health symptoms. The study highlights the importance of integrating spiritual education and ethical development into student training and counselling programmes. Further research is recommended using a mixed-method approach with a larger sample size to enhance the generalisability of the findings.

Keywords: *Religious appreciation, mental health, university students, SUKSIS, Islamic psychospirituality*

Diterima: 1 April 2024
Diterima akhir: 22 Jun 2024

Disemak semula: 20 Mei 2024
Diterbitkan: 30 Jun 2024

PENDAHULUAN

Kesihatan mental merupakan isu global yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik dan penggubal dasar, khususnya apabila melibatkan golongan belia dan mahasiswa. Kajian oleh Shamsuddin et al. (2013) mendapati bahawa dalam kalangan pelajar universiti awam di Malaysia, 37.2% mengalami tahap kemurungan sekurang-kurangnya sederhana (moderate ke atas), 63% mengalami kebimbangan, dan 23.7% mengalami tekanan berdasarkan skor DASS-21. Selain itu, gejala kemurungan dan kebimbangan lebih tinggi dalam kalangan pelajar lebih dewasa (20 tahun ke atas) dan yang berasal dari kawasan luar bandar..

Menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2022), kesihatan mental ditakrifkan sebagai satu keadaan kesejahteraan di mana individu mampu merealisasikan potensi diri, mengatasi tekanan hidup harian, bekerja secara produktif dan memberi sumbangan kepada komuniti. Kegagalan menangani isu ini secara proaktif boleh membawa kesan negatif kepada prestasi akademik, kesejahteraan emosi dan pembangunan sahsiah mahasiswa sebagai bakal pemimpin masa depan negara.

Salah satu faktor perlindungan (*protective factor*) yang berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan mental ialah penghayatan agama. Dalam konteks Islam, penghayatan agama merangkumi dimensi akidah, ibadah dan akhlak, yang kesemuanya membentuk sistem nilai, pegangan hidup dan amalan spiritual seseorang Muslim. Kajian lepas menunjukkan bahawa kebergantungan kepada agama boleh membantu individu menghadapi tekanan hidup, memberikan rasa makna dan tujuan, serta mengurangkan simptom psikopatologi (Koenig et al., 2012; Abu-Raiya & Pargament, 2015). Di Malaysia, beberapa kajian telah dijalankan untuk menilai hubungan antara keagamaan dan kesejahteraan mental, namun fokus terhadap kelompok pelajar yang mengikuti Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SUKSIS) masih amat terhad. Mahasiswa SUKSIS berdepan dengan tekanan tambahan melalui komitmen latihan ketenteraan, disiplin ketat, dan beban akademik yang tinggi (Ferlis et al., 2009).

Kajian ini dijalankan sebagai kajian rintis bagi meninjau hubungan awal antara tahap penghayatan agama dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa Kor SUKSIS di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini bukan sahaja menilai hubungan antara dua konstruk tersebut, tetapi turut memberi gambaran awal tentang potensi agama sebagai mekanisme daya tindak (*coping mechanism*) dalam kalangan mahasiswa berprofil khas seperti SUKSIS. Dapatan awal kajian ini diharapkan dapat memberi asas kepada kajian berskala besar yang lebih komprehensif pada masa akan datang, khususnya dalam merangka intervensi psiko-spiritual yang berasaskan pendekatan Islam untuk kesejahteraan mental pelajar universiti.

KAJIAN LITERATUR

Penghayatan Agama dalam Konteks Psikologi Islam

Penghayatan agama merupakan salah satu aspek penting dalam pembinaan sahsiah individu Muslim yang seimbang dari segi rohani, emosi dan intelektual. Dalam konteks psikologi Islam, penghayatan agama tidak hanya merujuk kepada pengetahuan agama secara teori, tetapi merangkumi aspek pengamalan, penghayatan nilai, dan ketundukan batin terhadap ajaran

agama (al-Attas 1993). Ia mencakupi dimensi akidah, ibadah dan akhlak yang menjadi asas dalam pembentukan ketenangan jiwa dan kemantapan emosi seseorang individu (Mohd Nasir, 2005). Penghayatan terhadap ketiga-tiga dimensi ini dianggap sebagai bentuk integrasi antara kepercayaan, amalan dan etika dalam membina daya tahan rohani dan kesejahteraan psikologi (Sidek Baba 2006).

Dari sudut akidah, keyakinan terhadap qada' dan qadar, keesaan Allah dan kehidupan selepas mati memberikan sandaran emosi dan spiritual yang stabil kepada individu Muslim dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup. Keyakinan ini membentuk sikap reda, sabar, dan tawakal yang secara langsung menyumbang kepada kestabilan mental (Ibn Qayyim, 2003). Menurut al-Ghazali (1988), jiwa yang mempunyai kepercayaan yang benar terhadap Allah SWT akan mampu menolak bisikan negatif yang boleh membawa kepada gangguan fikiran dan kecelaruan emosi.

Dari aspek ibadah, ia menjadi saluran untuk melahirkan kehambaan dan kebergantungan kepada Allah SWT. Amalan seperti solat, doa, zikir dan puasa bukan sahaja bersifat ritual tetapi juga mempunyai kesan terapeutik terhadap jiwa. Che Zarrina Sa'ari (2019) menjelaskan bahawa solat yang dilakukan dengan khusyuk berfungsi sebagai terapi emosi yang menenangkan. Bahkan, ibadah juga memperkukuh *coping mechanism* rohani yang membantu individu menghadapi tekanan dan kebimbangan (Abdul Rashid et al., 2020). Kajian Koenig et al. (2012) turut menyokong bahawa amalan keagamaan yang konsisten dapat mengurangkan simptom kemurungan dan keresahan, serta meningkatkan ketahanan psikologi.

Dimensi akhlak pula merujuk kepada pembentukan peribadi yang luhur dalam berinteraksi dengan manusia dan Tuhan. Akhlak yang baik mendorong kepada hubungan sosial yang positif, mengurangkan konflik dan mewujudkan suasana sokongan emosi dalam masyarakat. Al-Ghazali (1988) menegaskan bahawa proses pendidikan akhlak melalui *riyadah* (latihan diri) dan *mujahadah* (usaha bersungguh-sungguh) akan melahirkan insan yang seimbang secara rohani dan emosi. Ini sangat berkaitan dengan kestabilan mental, kerana individu yang mengamalkan akhlak terpuji akan lebih mudah mengurus tekanan dan membina hubungan sosial yang sihat.

Secara keseluruhannya, penghayatan agama dilihat sebagai satu bentuk perlindungan dalaman (*inner protection*) yang menghalang individu daripada gangguan psikologi dan membimbingnya ke arah ketenangan hidup berlandaskan nilai tauhid. Dalam era moden yang serba mencabar ini, penghayatan agama berperanan penting bukan sahaja untuk pembangunan spiritual tetapi juga kesejahteraan psikologi individu Muslim.

Kesihatan Mental dalam Kalangan Mahasiswa IPT

Kesihatan mental merujuk kepada keadaan kesejahteraan individu yang membolehkannya merealisasikan potensi diri, mengatasi tekanan hidup, bekerja secara produktif serta menyumbang kepada komuniti (World Health Organization [WHO], 2022). Dalam konteks mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT), kesihatan mental yang sejahtera sangat penting dalam menentukan tahap pencapaian akademik, keseimbangan emosi dan pembentukan sahsiah. Namun, pelbagai kajian menunjukkan bahawa mahasiswa lebih terdedah kepada risiko gangguan mental akibat tekanan akademik, beban tugas, isu kewangan, konflik interpersonal dan ketidakstabilan emosi. Sebagai contoh, Yusoff et al. (2010) mendapati bahawa 29.6% pelajar perubatan USM mengalami tekanan berkaitan tahun pengajian dan beban klinikal manakala Shamsuddin et al. (2013) pula menyenaraikan umur, status luar bandar, jantina, dan pendapatan keluarga sebagai faktor risiko.

Di Malaysia, kajian-kajian terkini menunjukkan peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPT. Menurut Ismail & Yaziz (2023), antara gangguan paling dominan dalam kalangan mahasiswa ialah kemurungan (*depression*), kebimbangan (*anxiety*) dan tekanan (*stress*). Ketiga-tiga simptom ini membentuk asas kepada banyak instrumen psikometrik seperti *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS-21) yang digunakan secara meluas dalam mengukur tahap kesejahteraan mental pelajar. Masalah kebimbangan, sebagai contoh, boleh mengakibatkan individu gagal memberi tumpuan dalam pembelajaran, mengalami gejala fizikal seperti berpeluh, gemuruh dan degupan jantung yang laju (Buheji, 2020). Jika tidak ditangani, simptom-simptom ini berpotensi menjejaskan fungsi sosial dan akademik pelajar. Selain itu, kemurungan dalam kalangan mahasiswa sering dikaitkan dengan perasaan rendah diri, kelesuan emosi, hilang minat terhadap aktiviti harian, dan gangguan tidur (Azizi & Tan, 2007). Keadaan ini boleh membawa kepada gejala yang lebih serius seperti gangguan psikotik atau kecenderungan bunuh diri sekiranya tiada intervensi awal dilakukan. Laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2021 turut mendedahkan bahawa sebahagian besar pelajar IPT yang mendapatkan bantuan psikologi menunjukkan tanda-tanda tekanan yang kronik dan memerlukan pendekatan intervensi psikospiritual.

Persekitaran kampus yang kompetitif serta kurangnya sokongan emosi juga dikenal pasti sebagai faktor yang memburukkan keadaan mental mahasiswa (Ferlis et al., 2009). Kajian oleh Sakinah et al. (2022) mendapati bahawa kekurangan latihan pengurusan emosi dan mekanisme daya tindak yang berkesan menyebabkan pelajar mudah terjerumus ke dalam kitaran stres yang berulang. Oleh itu, keseimbangan antara kecerdasan intelektual

dan kesejahteraan emosi harus diberi penekanan dalam pendekatan pendidikan tinggi negara.

Secara keseluruhannya, masalah kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa merupakan isu serius yang memerlukan intervensi holistik merangkumi aspek psikologi, sosial, akademik dan spiritual. Kegagalan menangani isu ini secara sistematik akan memberi kesan jangka panjang terhadap pembentukan modal insan negara. Justeru, peranan institusi pengajian tinggi amat penting dalam menyediakan sokongan kaunseling, bimbingan agama, program pengurusan emosi serta membina ekosistem pembelajaran yang lestari dan menyokong kesihatan mental pelajar.

Hubungan Antara Penghayatan Agama dengan Kesihatan Mental

Hubungan antara penghayatan agama dan kesihatan mental telah menjadi bidang kajian yang semakin mendapat perhatian dalam disiplin psikologi, sosiologi dan kajian keagamaan. Dalam tradisi Islam, agama tidak hanya berperanan sebagai panduan moral, tetapi juga sebagai mekanisme penyembuhan rohani yang dapat mempengaruhi kestabilan emosi dan psikologi individu. Penghayatan agama yang tinggi memberi kesan langsung kepada keupayaan seseorang dalam menghadapi tekanan, mengurus emosi, dan membentuk mekanisme daya tindak (*coping mechanism*) yang lebih berkesan (Koenig et al., 2012; Abu-Raiya & Pargament, 2015). Menurut al-Ghazali (1988), jiwa yang terpandu dengan akidah yang mantap, ibadah yang khusyuk, dan akhlak yang luhur akan mencapai *al-nafs al-muthma'innah* (jiwa yang tenang), yang menjadi asas kepada kesihatan mental dalam Islam. Ini bersesuaian dengan dapatan pelbagai kajian yang menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap keagamaan yang tinggi cenderung untuk mengalami tahap keresahan, kemurungan dan tekanan yang lebih rendah berbanding individu yang kurang mengamalkan nilai keagamaan (Koenig et al., 2001; Rosmarin et al., 2022).

Di Malaysia, beberapa kajian telah mengesahkan bahawa wujud hubungan signifikan antara penghayatan agama dan tahap kesihatan mental pelajar IPT. Misalnya, kajian oleh Abdul Rashid et al. (2020) mendapati bahawa pelajar yang aktif dalam aktiviti keagamaan dan mempunyai pandangan hidup berteraskan tauhid menunjukkan tahap kemurungan yang lebih rendah ketika pandemik COVID-19. Kajian lain oleh Siti Aishah Yahya & Sidar Nazrun (2016) turut menunjukkan bahawa penghayatan agama membantu remaja hamil luar nikah untuk menstabilkan emosi dan mengurangkan rasa bersalah serta tekanan sosial melalui pendekatan istighfar, taubat dan pengharapan kepada rahmat Allah SWT. Aspek

spiritual dalam penghayatan agama juga memainkan peranan penting dalam membentuk ketahanan emosi. Kepercayaan kepada hikmah ilahi dalam ujian hidup membolehkan individu memandang positif terhadap cabaran, mengurangkan simptom psikosomatik, dan membina jati diri yang kukuh (Pargament, 2007). Dalam konteks psikologi barat, hal ini dikenali sebagai *religious coping*, manakala dalam Islam, konsep seperti sabar, tawakal, syukur dan zikir adalah antara strategi utama yang menyumbang kepada kestabilan mental (Ibn Qayyim, 2003; Sidek Baba, 2006).

Walau bagaimanapun, kajian ini mengambil pendekatan yang lebih terfokus iaitu mengukur tiga komponen utama dalam penghayatan agama – akidah, ibadah, dan akhlak – dan hubungannya dengan tiga indikator kesihatan mental – tekanan (*stress*), kebimbangan (*anxiety*) dan kemurungan (*depression*). Beberapa dapatan awal dalam literatur menunjukkan bahawa:

- Dimensi akidah yang mantap memberi kekuatan rohani dan mewujudkan ketenangan dalaman (Rohana Hamzah et al., 2021);
- Ibadah yang dilaksanakan secara konsisten seperti solat, wuduk dan zikir mampu meredakan keresahan dan tekanan (Che Zarrina Sa'ari 2019);
- Manakala akhlak yang luhur memperkukuh hubungan sosial dan mengurangkan konflik interpersonal, sekali gus meningkatkan kesejahteraan psikologi.

Kajian-Kajian Empirik Terdahulu di Malaysia

Di Malaysia, pelbagai kajian telah dilaksanakan bagi meneliti hubungan antara penghayatan agama dan kesihatan mental, khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Walaupun dapatan kebanyakannya konsisten dalam menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan, kebanyakan kajian tertumpu kepada populasi umum pelajar IPT tanpa mengambil kira kelompok berprofil khusus seperti mahasiswa Kor SUKISIS yang menjalani latihan berdisiplin dan berstruktur ketenteraan. Oleh itu, kajian rintis ini dijalankan bagi meninjau dimensi hubungan tersebut dalam konteks unik mahasiswa SUKISIS yang masih belum banyak diteroka.

Kajian oleh Siti Aishah Yahya dan Sidar Nazrun (2016) meneliti tahap penghayatan agama dalam kalangan remaja perempuan hamil luar nikah dan mendapati bahawa amalan spiritual seperti solat dan taubat berupaya mengurangkan tekanan psikologi dan rasa berdosa. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa penghayatan agama mempunyai kesan terapeutik terhadap emosi dan mampu membina ketahanan psikologi. Sementara itu, kajian oleh Siti Jamiaah Abdul Jalil et al. (2023) meneliti peranan program keagamaan terhadap banduan wanita dan mendapati bahawa penglibatan dalam aktiviti kerohanian menyumbang kepada

pengurangan tahap kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan banduan. Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan agama memberi manfaat kepada individu dalam situasi tekanan tinggi, seperti tahanan, dan dapat diaplikasikan juga kepada pelajar yang berada dalam sistem latihan intensif seperti Kor SUKSIS.

Di peringkat mahasiswa, kajian Abdul Rashid et al. (2020) dalam kalangan pelajar universiti semasa pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa nilai-nilai agama seperti reda, sabar, dan tawakal membantu pelajar mengurangkan tekanan dan simptom kemurungan. Kajian ini memperkukuh hujahan bahawa dimensi spiritual adalah antara pendekatan efektif dalam menangani masalah psikologi dalam kalangan pelajar. Begitu juga kajian oleh Sakinah Salleh et al. (2022) yang menggunakan pendekatan psiko-spiritual Islam dalam merawat keresahan menunjukkan bahawa integrasi antara ibadah dan sokongan emosi boleh dijadikan kaedah intervensi awal untuk mahasiswa yang mengalami tekanan. Namun begitu, terdapat kekurangan dalam kajian-kajian terdahulu dari sudut:

1. Populasi khas: Tiada kajian yang secara khusus meneliti pelajar Kor SUKSIS, iaitu kumpulan mahasiswa yang mempunyai latar disiplin fizikal dan mental yang berbeza daripada pelajar umum.
2. Instrumen pengukuran: Kebanyakan kajian menggunakan DASS-21 untuk kesihatan mental, namun penghayatan agama diukur secara umum atau menggunakan instrumen tidak disesuaikan mengikut konteks Malaysia. Kajian ini menggunakan instrumen penghayatan agama yang dibangunkan oleh Seri Kartini Jurami dan Fariza Md Sham (2013), yang mengambil kira dimensi akidah, ibadah dan akhlak.
3. Pendekatan hubungan langsung: Kajian sedia ada banyak bersifat deskriptif atau korelasi am, tanpa mengkhusus kepada hubungan antara sub-dimensi agama (akidah, ibadah, akhlak) dengan kesihatan mental.

Oleh itu, kajian ini bukan sahaja mengisi jurang dalam aspek populasi, tetapi juga menambah nilai dari segi metodologi dengan menguji hubungan antara konstruk agama dan kesihatan mental secara lebih terperinci dalam kalangan mahasiswa SUKSIS. Kajian ini juga membuka ruang untuk pembangunan intervensi berbentuk latihan psikospiritual Islam yang boleh diterapkan dalam program latihan SUKSIS pada masa akan datang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan bertujuan untuk meninjau hubungan antara tahap penghayatan agama dan tahap kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa Kor SUKSIS di Universiti Kebangsaan Malaysia. Reka bentuk tinjauan ini dipilih kerana ia sesuai digunakan untuk mengenal pasti corak hubungan antara dua pemboleh ubah tanpa manipulasi pemboleh ubah bebas (Creswell 2012). Kajian ini juga dikategorikan sebagai kajian rintis kerana ia melibatkan saiz sampel kecil dan bertujuan memberikan gambaran awal sebelum pelaksanaan kajian berskala penuh. Kajian dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memfokuskan kepada mahasiswa yang menyertai program Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SUKSIS). Populasi kajian terdiri daripada seramai 200 pelajar yang terlibat secara aktif dalam latihan dan aktiviti Kor SUKSIS merangkumi pelbagai fakulti dan tahun pengajian.

Seramai 32 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu pemilihan responden berdasarkan ciri tertentu yang memenuhi kriteria kajian (Creswell, 2014). Pemilihan sampel yang kecil dan fokus ini bersesuaian dengan ciri kajian rintis yang bertujuan menguji kefungsi instrumen, mengenal pasti isu lapangan dan menguji hubungan awal antara pemboleh ubah. Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik berstruktur yang mengandungi tiga bahagian utama:

Rajah 1: Tiga Bahagian Soal Selidik

Bil	Perkara	Keterangan	Jumlah
A	Maklumat Demografi Responden	Jantina, umur, fakulti, tahun pengajian, latar tempat tinggal, dan pendapatan keluarga	45
	Soal Selidik Tahap Penghayatan Agama	Mengandungi 3 konstruk iaitu akidah, ibadah dan akhlak yang diadaptasi daripada kajian Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham (2013)	
B	Soal Selidik Tahap Kesihatan Mental	Mengandungi 3 konstruk iaitu kemurungan, kebimbangan dan tekanan menggunakan Depression Anxiety Stress Scale (DASS-21) versi Melayu (Musa et al., 2007)	21

Data dikumpul melalui pengedaran borang soal selidik secara fizikal kepada mahasiswa Kor SUKSIS dengan kebenaran pihak fakulti dan penyelar program. Semua responden diberi penerangan ringkas mengenai tujuan kajian, jaminan kerahsiaan dan hak untuk menarik diri pada bila-bila

masa. Borang soal selidik yang telah lengkap diisi dikumpulkan semula dalam tempoh dua minggu.

HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Berikut adalah dapatan kajian rintis yang diperoleh daripada borang soal selidik yang telah diedarkan secara fizikal kepada mahasiswa Kor SUKSIK UKM. Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu demografi responden, dan analisis hubungan antara penghayatan agama (akidah, ibadah dan akhlak) dengan tahap kesihatan mental.

Demografi

Jadual 2 di bawah memberikan gambaran menyeluruh tentang latar belakang demografi 32 orang responden yang terlibat dalam kajian rintis ini. Secara umumnya, profil responden menunjukkan kepelbagaian dari pelbagai aspek yang relevan untuk analisis kajian.

Jadual 2: Demografi Responden

Demografi	Kategori	Bilangan (N)	Peratus%
Jantina	Lelaki	15	46.9
	Perempuan	27	53.1
Kumpulan Umur	18 hingga 20 tahun	11	34.4
	21 hingga 25 tahun	21	65.6
Tempat Tinggal	Luar bandar	16	50
	Bandar	16	50
Pendapatan Ibubapa/Penjaga	B40 (RM1,000-RM4,000)	23	71.9
	M40 (RM5,000-RM10,000)	9	28.1
Fakulti	Fakulti Pengajian Islam	11	34.4
	Fakulti Pendidikan	2	6.3
	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan	8	25
	Fakulti Sains dan Teknologi	6	18.8
	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	4	12.5
	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	1	3.1
Tahun Pengajian	Tahun 1	7	21.9
	Tahun 2	4	12.5
	Tahun 3	14	43.8
	Tahun 4	7	21.9
JUMLAH		32	100

Majoriti responden terdiri daripada wanita (53.1%) dan berada dalam lingkungan umur 21 hingga 25 tahun (65.6%), iaitu kelompok usia yang sedang menempuh fasa kematangan intelektual dan emosi di peringkat pengajian tinggi. Dari segi tempat tinggal, perwakilan antara luar bandar dan bandar adalah seimbang (masing-masing 50%), sekali gus memungkinkan kajian mengambil kira perbezaan sosio-geografi dalam membentuk pola pemikiran dan penghayatan agama.

Sebahagian besar responden berasal daripada keluarga berpendapatan rendah (B40 sebanyak 71.9%), yang secara tidak langsung mungkin memberi pengaruh terhadap tekanan psikososial serta pengurusan kesihatan mental. Dari sudut akademik, responden mewakili pelbagai fakulti, dengan dominasi pelajar Fakulti Pengajian Islam (34.4%) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (25%), yang kebanyakannya mempunyai latar pengetahuan yang berkait langsung dengan aspek penghayatan agama dan kesejahteraan diri. Tambahan pula, bilangan terbesar responden adalah pelajar tahun 3 (43.8%), menunjukkan bahawa mereka berada pada tahap yang lebih matang dari segi pengalaman universiti dan mungkin telah melalui pelbagai bentuk cabaran akademik, sosial dan kerohanian. Secara keseluruhannya, taburan demografi responden adalah sesuai dan seimbang sebagai kajian rintis, kerana ia merangkumi pelbagai latar belakang yang boleh memberikan gambaran menyeluruh terhadap hubungan antara penghayatan agama dan tahap kesihatan mental mahasiswa dalam konteks semasa.

Hubungan Antara Penghayatan Agama dari Sudut Akhlak dengan Kesihatan Mental

Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara penghayatan agama dari sudut akhlak dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa Kor SUK SIS UKM.

Jadual 3: Hubungan Antara Penghayatan Agama dari Sudut Akhlak dengan Kesihatan Mental

Pemboleh Ubah	Jenis Hubungan	Nilai Korelasi (r)	Signifikan (p)
Penghayatan Akhlak dan Kesihatan Mental	Negatif dan signifikan (sederhana lemah)	-0.199	Penghayatan Akhlak dan Kesihatan Mental

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai korelasi $r = -0.199$ dan nilai signifikan $p < 0.05$. Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi

penghayatan terhadap nilai-nilai akhlak Islam, semakin rendah tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan yang dialami oleh pelajar. Meskipun nilai korelasi berada pada tahap sederhana lemah, signifikannya dari sudut statistik mengesahkan hipotesis bahawa akhlak memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kestabilan emosi dan kesejahteraan mental. Individu yang mengamalkan nilai-nilai seperti kesabaran, kejujuran, kerendahan hati, pemaaf dan berlapang dada berkemungkinan besar memiliki sistem pengawalan emosi (*self-regulation*) yang lebih mantap, sekali gus membantu mereka menyesuaikan diri dengan tekanan akademik dan persekitaran sosial universiti.

Walau bagaimanapun, dapatan ini juga mencerminkan bahawa penghayatan akhlak sahaja tidak mencukupi sebagai pelindung mutlak daripada gangguan mental. Faktor persekitaran luar seperti tekanan akademik, beban kewangan, dan konflik kekeluargaan masih boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi seseorang, meskipun mereka memiliki akhlak yang baik. Oleh itu, pendekatan yang bersifat menyeluruh yang merangkumi dimensi akidah, ibadah dan akhlak adalah penting bagi membina kestabilan mental yang holistik.

Dalam kerangka pemikiran Islam, kesihatan mental bukan hanya bererti ketiadaan gangguan emosi, tetapi merupakan manifestasi keharmonian antara jasad, akal dan roh (al-Qaradawi, 1998). Akhlak yang luhur mencerminkan kesucian jiwa yang sejajar dengan fitrah insan (al-Dīn al-Fitrī). Konsep *nafs al-mutma'innah* sebagaimana disebut dalam Surah al-Fajr (89:27) menjadi matlamat kesejahteraan rohani yang hakiki. Selain itu, pendekatan seperti *mujāhadah al-nafs* dan *riyāḍah al-nafs* sebagaimana dianjurkan oleh Imam al-Ghazali (1988) memberi fokus kepada latihan jiwa dalam menundukkan hawa nafsu, suatu pendekatan yang relevan dalam menangani tekanan dan gangguan mental.

Dapatan ini selari dengan kajian Siti Aishah Yahya & Sidar Nazrun (2016) yang menunjukkan bahawa latihan akhlak melalui ibadah dan muhasabah diri dapat mengurangkan tekanan emosi dalam kalangan remaja. Masyarakat yang tinggi akhlaknya cenderung membentuk persekitaran sosial yang stabil dan sihat secara psikososial. Walau bagaimanapun, berbeza dengan kajian Abdul Rashid et al. (2020) yang lebih menekankan amalan ibadah ritual sebagai indikator kesejahteraan mental, dapatan kajian ini mengukuhkan bahawa dimensi akhlak turut memberikan sumbangan yang signifikan. Ini mencadangkan bahawa kesejahteraan mental bukan hanya dipengaruhi oleh hubungan spiritual melalui ibadah, tetapi juga melalui tingkah laku sosial dan hubungan interpersonal yang dibentuk melalui akhlak Islamiah.

Hubungan Antara Penghayatan Agama dari Sudut Ibadah dengan Kesehatan Mental

Analisis korelasi Pearson mendapati terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tahap penghayatan ibadah dengan tahap kesehatan mental dalam kalangan mahasiswa Kor SUKSI UKM.

Jadual 4: Hubungan Antara Penghayatan Agama dari Sudut Ibadah dengan Kesehatan Mental

Pemboleh Ubah	Jenis Hubungan	Nilai Korelasi (r)	Signifikan (p)
Penghayatan Ibadah dan Kesehatan Mental	Negatif dan signifikan (sangat lemah)	-0.038	p < 0.05

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai korelasi $r = -0.038$ dengan nilai signifikan $p < 0.05$. Meskipun nilai korelasi ini berada pada tahap yang sangat lemah, signifikan statistik yang dicapai memberikan indikasi awal bahawa ibadah berpotensi berperanan sebagai salah satu mekanisme pengimbang terhadap tekanan emosi dalaman dalam kalangan pelajar. Pelajar yang melaksanakan ibadah secara konsisten dan dengan penuh penghayatan berkemungkinan mempunyai kawalan emosi yang lebih stabil, khususnya ketika berhadapan dengan tekanan akademik dan sosial. Ibadah dalam konteks Islam bukan sekadar amalan ritual, tetapi merupakan suatu proses tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) yang membentuk hubungan transendental dengan Allah SWT. Elemen seperti keikhlasan (ikhlas) dan kehadiran hati (khushu') menjadi komponen penting dalam menentukan keberkesanan ibadah terhadap kesejahteraan mental. Ibadah yang dilakukan secara rutin tanpa kesedaran rohani (ghaflah) mungkin tidak memberi impak yang signifikan terhadap kestabilan emosi.

Dalam kerangka pemikiran Islam, kesehatan mental dilihat sebagai kesatuan antara dimensi spiritual, emosi dan intelek, yang hanya tercapai apabila hubungan dengan Allah berada dalam keadaan yang stabil dan mendalam. Konsep al-sakīnah (ketenangan batin), seperti yang dihuraikan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2003), merujuk kepada keadaan jiwa yang tenang dan tidak mudah terganggu oleh perubahan luaran, yang lahir daripada ibadah yang ikhlas dan bersungguh-sungguh. Dalam erti kata lain, ibadah membentuk kerangka makna (*meaning-making framework*) yang mampu menjadi pelindung daripada gejala psikopatologi seperti keresahan dan kemurungan.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Che Zarrina Sa'ari (2019) yang menunjukkan bahawa ibadah seperti solat dan wuduk

merupakan intervensi spiritual yang berkesan dalam membantu pelajar menghadapi tekanan dan kebimbangan. Kajian oleh Adnan (2001) turut menekankan kepentingan doa dan tawakal dalam mengurangkan keresahan jiwa. Namun begitu, jika dibandingkan dengan kajian oleh Abdul Rashid et al. (2020) yang melaporkan nilai korelasi yang lebih tinggi antara ibadah dan kesihatan mental semasa pandemik COVID-19, nilai korelasi dalam kajian ini adalah jauh lebih rendah.

Perbezaan ini boleh dijelaskan melalui beberapa faktor, antaranya ialah saiz sampel yang kecil, konteks khusus pelajar Kor SUKISIS yang terlatih dalam aspek disiplin, serta kemungkinan amalan ibadah dilakukan secara rutin tanpa penghayatan rohani yang mendalam. Justeru itu, pendekatan kuantitatif sahaja mungkin tidak memadai untuk menelusuri kesan ibadah terhadap kesejahteraan mental. Kajian lanjutan menggunakan pendekatan campuran (*mixed-method*) atau kualitatif disarankan bagi menyelami secara lebih mendalam dimensi rohaniah yang mendasari pengalaman ibadah dalam kalangan pelajar.

Hubungan Antara Penghayatan Agama dari Sudut Akidah dan Kesihatan Mental

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tahap penghayatan akidah dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa Kor SUKISIS UKM.

Rajah 5: Hubungan Antara Penghayatan Agama dari Sudut Akidah dan Kesihatan Mental

Pemboleh Ubah	Jenis Hubungan	Nilai Korelasi (r)	Signifikan (p)
Penghayatan Akidah dan Kesihatan Mental	Negatif dan signifikan	-0.138	$p < 0.05$

Hasil analisis korelasi Pearson mendapati nilai $r = -0.138$ dengan nilai signifikan $p < 0.05$. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap penghayatan akidah seseorang pelajar, semakin rendah skor gejala tekanan psikologi yang dilaporkan, seperti kemurungan, kebimbangan dan tekanan, sebagaimana yang diukur melalui instrumen DASS-21 versi Melayu. Walaupun kekuatan korelasi ini berada pada tahap yang lemah, signifikannya hubungan tersebut memberikan implikasi penting dari sudut psikospiritual. Penghayatan akidah yang kukuh—merangkumi pemahaman terhadap konsep tauhid rububiyah, qada' dan qadar, serta kepercayaan kepada hari akhirat—berpotensi untuk membentuk sudut pandang

kehidupan yang bersifat transenden. Pelajar yang memiliki sudut pandang sedemikian cenderung menilai ujian dan cabaran hidup sebagai sebahagian daripada ketetapan Ilahi yang mempunyai hikmah tersendiri. Pendekatan ini dapat mengurangkan kecenderungan kepada gejala psikopatologi seperti pemikiran rumit yang berulang (*ruminatio*n), tanggapan bencana (*catastrophic thinking*), serta rasa putus asa (*helplessness*) yang lazim dikaitkan dengan gangguan mental seperti kemurungan dan keresahan.

Namun begitu, nilai korelasi yang rendah turut memberi isyarat bahawa penghayatan akidah semata-mata mungkin tidak mencukupi untuk menjamin kestabilan kesihatan mental sekiranya tidak disertai dengan kefahaman mendalam dan pengamalan berterusan. Kefahaman akidah yang hanya bersifat literal, ritualistik atau diwarisi secara tradisi tanpa proses tadabbur dan tazakkur yang menyeluruh, mungkin kurang berkesan dalam menangani tekanan psikologi yang kompleks dalam kehidupan moden. Oleh itu, dapatan ini menyarankan keperluan untuk memperkukuh pendidikan akidah yang bersifat holistik, mendalam dan kontekstual dalam kalangan mahasiswa sebagai sebahagian daripada pendekatan menyeluruh ke arah kesejahteraan mental yang berteraskan nilai-nilai Islam.

Dapatan ini disokong oleh kajian Rohana Hamzah et al. (2021) yang mendapati bahawa kecerdasan spiritual berdasarkan akidah yang kuat dapat mengurangkan tahap tekanan dan keresahan dalam kalangan pelajar. Kajian oleh Khairul Hamimah (2006) pula menunjukkan bahawa individu Muslim yang memiliki pemahaman akidah yang benar kurang cenderung untuk mengalami krisis identiti dan gangguan emosi. Namun begitu, kajian oleh Adnan (2001) lebih menekankan kepada elemen ibadah sebagai penentu utama kesejahteraan mental, tanpa memberikan perhatian mendalam terhadap dimensi akidah secara tersendiri. Kajian ini memperkukuh keperluan untuk meneliti akidah sebagai komponen bebas yang memainkan peranan besar dalam pembinaan psikologi pelajar Muslim, khususnya dalam konteks cabaran persekitaran kampus yang pluralistik dan mencabar nilai keimanan.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini mengesahkan keperluan mendesak untuk mengintegrasikan pendekatan dakwah yang bersifat rohani dan psikologi dalam pembangunan mahasiswa. Program pengukuhan akidah, pembudayaan ibadah bermakna, serta pemantapan akhlak perlu dijadikan agenda tetap dalam modul pembinaan sahsiah di IPT, khususnya dalam program seperti Kor SUKSIS yang melatih bakal pemimpin pelajar. Pendekatan psikospiritual Islam seharusnya menjadi alternatif yang sah dan berkesan dalam menangani gejala kesihatan mental yang semakin

meruncing dalam kalangan belia. Integrasi antara pendidikan Islam dan kaunseling rohani berpotensi membentuk intervensi yang lebih berakar pada fitrah manusia dan lebih relevan kepada masyarakat Muslim.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pelajar SUKسيس yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam membantu penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Nur Khairil Izzati Haasya Binti Mohd Nazri merangka idea asal kajian, reka bentuk metodologi dan penulisan draf awal artikel. Siti Aishah Yahya dan Dewi Anggrayni membuat semakan literatur, suntingan kandungan dan penyeliaan keseluruhan penulisan artikel. Semua penulis telah menyemak dan meluluskan versi akhir artikel ini.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin AlHaadi Shafie, Zuraina Ali & Noor Dahiah Sulhana Dzainal. 2020. Pengamalan nilai agama dalam mengatasi kemurungan semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(12): 31-44. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.593>
- Abu-Raiya, H. & Pargament, K. I. 2015. Religious coping among diverse religions: commonalities and divergences. *Psychology of Religion and Spirituality* 7(1): 24-33. <https://doi.org/10.1037/a0037652>
- Adnan Ahmad. 2001. *Psikologi Islam dan Kesejahteraan Mental*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S. M. N. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Ghazali. 1988. *Ihya' Ulum al-Din*. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Y. 1998. *al-Iman wa al-Hayah*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

- Azizi Yahaya & Tan Kok Wah. 2007. *Mengurus Tekanan dan Konflik*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Buheji, M. 2020. Psychological Resilience and Poor Communities Coping with COVID-19 Pandemic. *International Journal of Psychology and Behavioral Sciences* 10(4): 100–108.
- Che Zarrina Sa'ari. 2019. Psikospiritual Islam: Konsep dan Aplikasi. *Journal of Syarie Counseling* 1(1): 43–51.
- Creswell, J. W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (4th ed.)*. Boston: Pearson.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (4th ed.)*. Thousand Oaks: Sage.
- Ferlis B. Bullare, Balan Rathakrishnan & Rosnah Ismail. 2009. Sumber Stres, Strategi Daya Tindak dan Stres yang Dialami Pelajar Universiti. *Jurnal Kemanusiaan* 13: 25-35.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 2003. *Madarij al-Salikin (terj. Haji Abdul Aziz Bin Umar)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Jurami, S. K. & Fariza Md Sham. 2013. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyyat* 35(1): 29–38.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2006. Masalah Akhlak dan Hubungannya dengan Akidah di Kalangan Pelajar Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) Cawangan Kuala Lumpur. Tesis Sarjana: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2021). Laporan Tahunan KKM 2021. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia. https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Penerbitan%20Utama/ANNUAL%20REPORT/Laporan_Tahunan_KKM_2021-compressed.pdf
- Koenig, H. G., King, D. E. & Carson, V. B. 2012. *Handbook of Religion and Health (2nd ed.)*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohd Nasir Omar. 2005. *Akhlag dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Iswan Ismail & Mohd Yusof Yaziz. 2023. Tahap Tekanan Psikologikan dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Tinjauan di Kolej Komuniti Temerloh. *Global Journal of Educational Research & Management (GERMANE)* 3(2): 27-43.
- Musa, R., Fadzil, M. A. & Zain, Z. 2007. Translation, Validation and Psychometric Properties of Bahasa Malaysia Version of The Depression Anxiety Stress Scales (DASS-21). *ASEAN Journal of Psychiatry* 8(2): 82-89.

- Pargament, K. I. 2007. *Spiritually Integrated Psychotherapy: Understanding and Addressing the Sacred*. New York: Guilford
- Rohana Hamzah, Hafiz Salehan, Ahmad Muhaimin, Hadijah Ahmad, Mohd.Suhardi Mad Jusoh & Fatmawati Latada. 2021. Kesehatan Mental dan Kecerdasan Spiritual Mahasiswa di Universiti: Satu Perbandingan antara Tahun Pengajian dan Agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 6(3): 11–21.
- Rosmarin, D.H., Kaufman, C.C., Ford, S.F., Keshava, P., Drury, M., Minns, S., Marmarosh, C., Chowdhury, A. & Sacchet, M.D. 2022. The neuroscience of spirituality, religion, and mental health: A systematic review and synthesis. *Journal of Psychiatric Research* 156: 100–113.
- Sakinah Salleh, Rosni Wazir, Kamal Azmi Abd Rahman, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Auf Iqbal Kamarulzaman. 2022. Mengatasi Masalah Kesehatan Mental Melalui Pendekatan Psiko-spiritual. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)* 7(47): 601-615.
- Shamsuddin, S., Fadzil, F., Ismail, W. S. W., Shah, S. A., Omar, K., Muhammad, N. A., Jaffar, A., Ismail, A. & Mahadevan, R. 2013. Correlates of Depression, Anxiety and Stress among Malaysian University Students. *Asian Journal of Psychiatry* 6(4): 318–323.
- Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Siti Aishah Yahya & Sidar Nazrun. 2016. Tahap Penghayatan Agama dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. *Malaysian Journal of Social Science* 1(1): 17-35.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Rozmi Ismail, Yusmini Md Yusoff, Fariza Md Sham & Juwairiah Hassan. 2023. Peranan Program Keagamaan Terhadap Kebimbangan dan Kemurungan dalam Kalangan Banduan Wanita. *Al-Hikmah: Journal of Islamic Dakwah* 15(10): 78-103.
- World Health Organization (WHO). 2022. Mental Health. https://www.who.int/health-topics/mental-health#tab=tab_1
- Yusoff, M. S. B., Abdul Rahim, A. F., Baba, A. A., Ismail, S. B., Mat Pa, M. N. & Esa, A. R. 2010. Prevalence and Sources of Stress among Universiti Sains Malaysia Medical Students. *Malaysian Journal of Medical Sciences* 17(1): 30–37.

SENARAI PENGARANG

Dr. Siti Aishah Yahya (Penulis Penghubung)*
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mel: sitiahshah85@ukm.edu.my

Nur Khairil Izzati Haasya Binti Mohd Nazri
Pelajar
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mel: A184111@siswa.ukm.edu.my

Dewi Anggrayni
Pensyarah
Universitas Ibn Khaldun (UIKA) Bogor,
Jl. Sholeh Iskandar Km. 2,
Kota Bogor, Jawa Barat 16162, Indonesia.
E-mel: dewi.anggrayni@uika-bogor.ac.id